

Telex : MIDEV BU 2808
Cable : MIDEVBRUNEI
Telephone : 2383222
Fax : 2380298 / 2380033



كمترين قباعون
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : (2669) KPN/ABCi/C/8.0
Our Reference :

Rujukan Kamu :
Your Reference :

7 Zulkaedah 1439H
20 hb Julai 2018

Yang Mulia
Pengarah Urusan
YUSOKI SDN BHD
Plot 54, Simpang 557
Kg Salar Industrial Estate
Jln Muara, BU1429
Negara Brunei Darussalam

Tel : +673 2790037 / 38 / 39
Fax : +673 2791117

Tuan,

**PERMOHONAN MEMBAHARUI PERSIJILAN PRODUK BAHAN-BAHAN BINAAN
"NOVA LIFTS" PRODUCTS**

Dengan hormat sukacita merujuk permohonan pihak Tuan yang diterima pada 14hb Jun 2018 oleh pihak Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) selaku Urusetia Jawatankuasa Persijilan Produk untuk didaftarkan mengikut Skim Persijilan Produk bagi bahan-bahan binaan dibawah Kementerian Pembangunan seperti diatas.

Sukacita memaklumkan bahawa Jawatankuasa Persijilan Produk bagi bahan-bahan binaan telah meluluskan produk berikut:

"NOVA LIFTS" PRODUCTS

Untuk berdaftar dibawah Skim 2 Persijilan Produk bagi bahan-bahan binaan bagi tempoh 18hb Julai 2018 sehingga 27hb April 2021.

Untuk makluman, sukacita dikehendaki pihak syarikat Tuan untuk menghadapi permohonan MEMBAHARUI Persijilan Produk bagi Bahan-Bahan Binaan tiga (3) bulan sebelum tarikh mansuh seperti yang dinyatakan di atas.

Jika syarikat dan produk yang dihadapi tersebut didapati sebarang laporan atau maklumat mengenai ketidakberkesanan dari segi teknikal dan keupayaan, surat kebenaran dan Persijilan Produk akan ditarik balik dengan serta merta.

Dalam tempoh ini juga, Jawatankuasa Persijilan Produk atau pemeriksa pihak ketiga (3rd Party) yang dilantik akan menjalankan pemeriksaan keatas produk-produk berkenaan, bagi memastikan kualiti yang memuaskan dari masa ke semasa.



- 2 -

Jika kualiti produk didapati tidak memuaskan semasa pemeriksaan dijalankan, ianya hendaklah diperbaiki dengan segera. Jika gagal berbuat sedemikian, surat kebenaran Persijilan produk berkenaan akan dibatalkan dan penggunaan produk tidak boleh diguna pakai dalam mana-mana projek Kerajaan.

Sila ambil maklum bahawa penggunaan produk ini oleh pihak Tuan bagi projek-projek Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah tertakluk kepada keperluan khas jabatan pengguna dari segi teknikal dan kontrak.

Walaupun jika produk Tuan ini didapati memuaskan selepas tempoh ini, Tuan bolehlah menghadapkan permohonan untuk memohon pembaharuan persijilan produk dan seterusnya memohon untuk didaftarkan mengikut Skim Persijilan Produk bagi bahan-bahan binaan dibawah Kementerian Pembangunan.

Kementerian Pembangunan berharap semua produk-produk yang dibekalkan di Negara Brunei Darussalam adalah konsisten berkualiti.

" BERSEDIA BERKHIDMAT "
"Raja Adil Bijaksana, Suluh Agama"

Dengan hormat,

[DAYANG HAJAH SITI AIDAH BINTI HAJI MOHAMMAD]
b.p. Setiausaha Tetap (Teknikal & Profesional)
Kementerian Pembangunan

s.k.

- ☞ Ketua Pengarah Kerja Raya, JKR
- ☞ Pengarah Jalanraya, JKR
- ☞ Pengarah Perkhidmatan Teknikal, JKR
- ☞ Pengarah Perkhidmatan Air, JKR
- ☞ Pengarah Perkhidmatan Bangunan, JKR
- ☞ Pengarah Saliran dan Pembetulan, JKR
- ☞ Pengarah Mekanikal & Elektrikal, JKR
- ☞ Pengarah Kemajuan Perumahan
- ☞ Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
- ☞ Fail KPN/ABCi/C/8.1.5



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BARANGAN YANG DILULUSKAN

Rujukan barangan yang diluluskan : (2669 - Rev.1) KPN/ABCi/C/8.0

Tarikh diluluskan : 18hb Julai 2018

Tarikh Mansuh : 27hb April 2021

Dengan ini diakui bahawa YUSOKI SDN BHD, Plot 54, Simpang 557, Kg Salar Industrial Estate, Jln Muara BU1429, Negara Brunei Darussalam, telah mengikuti skim persijilan barangan Kementerian Pembangunan seperti keterangan di bawah ini :-

Skim Persijilan : Skim 2
(Sila rujuk Prosidur Persijilan STD3/003
Keluaran No. 12, Semakan 10hb Ogos 2010)
: Penggunaan produk ini tertakluk kepada keperluan
khas pengguna dari segi teknikal dan kontrak.

Barangan yang diluluskan : "NOVA LIFT" PRODUCTS

- Sila rujuk Appendix 'B'

Tajuk dan Nombor Piawai (spesikasi) yang berkenaan terhadap persijilan yang dkehendaki : UNI EN ISO 9001:2015
The Quality Management System
Design and manufacturing of accessibility lifts and elevators; Design and manufacturing of lift-components and metalshafts for lifts (IAF 18, 17)

Issued by : TUV SUD Italy
Certificate No : Nr 50 100 5861 - Rev.006
Certificate Validity: 27th April 2021

[AWANG ELIAZAR BIN SABTU]

b.p. Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional)
Kementerian Pembangunan

Tarikh dikeluarkan: 25hb September 2018

Nota:

- Syarikat hendaklah menghadapkan borang permohonan membaharui tiga (3) bulan sebelum tarikh Sijil Pendaftaran mansuh.
- Jika produk yang dihadapkan tidak memenuhi piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan, surat kebenaran dan persijilan produk ditarik balik dengan serta merta.

SYARIKAT YUSOKI SDN BHD
PRÓDUK LIST BAGI BARANGAN "NOVA LIFTS"

MODEL	DRIVE SYSTEM	RATED LOAD (kg)	MAX. SPEED (m/s)	COUNTRY OF ORIGIN	STANDARD COMPLIANCE
SUITELIFT	ELECTRIC	300-400	0.15	ITALY	FN-81-41 Safety Rules for the construction and installation of lifts for the transport of persons and goods – Part 41: Vertical Lifting Platforms intended for use by persons with impaired mobility.

